

15 JUN 1997

Anwar-rasuah

RASUAH: MASA UNTUK AMARAN SUDAH BERAKHIR

SANDAKAN, 15 Jun (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata masa untuk memberi amaran kepada pemimpin politik mengenai rasuah telah berakhir dan tibalah masa untuk bertindak tegas menyingkirkan mereka yang terlibat.

Katanya amaran tidak lagi akan diberikan kerana masanya telah tiba untuk membersihkan parti dan kerajaan daripada gejala itu.

"Semua pemimpin termasuk wakil rakyat yang terlibat dalam rasuah, tidak bekerja untuk rakyat dan memberi imej buruk kepada parti dan negara akan digugurkan termasuk daripada senarai calon pada pilihan raya umum akan datang," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Libaran di Dewan Masyarakat Sandakan di sini.

Anwar yang juga Pemangku Presiden Umno berkata beliau telah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung langkah untuk menghapuskan rasuah.

"Apa yang jelas ialah Datuk Seri Dr Mahathir mahu membersihkan parti dan kerajaan bermula dari dalam parti sendiri," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 3,000 hadirin.

Beliau juga mahu semua pihak memberi kerjasama sepenuhnya kepada agensi seperti Badan Pencegah Rasuah.

Anwar berkata: "Hanya mereka yang bekerja yang akan kita pertahankan dan mereka yang tidak bekerja, kita akan gugurkan dan kita tahu siapa pemimpin yang bekerja dan siapa yang tidak bekerja."

Beliau berkata nama Malaysia harum di serata dunia kerana pembangunan yang dibawa oleh pucuk pimpinan yang diterajui Dr Mahathir sehingga beliau mendapat pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa termasuk Anugerah Jawaharlal Nehru dan Anugerah Raja Faisal.

"Oleh itu kita tidak boleh membiarkan segelintir pemimpin bertindak membusukkan nama negara melalui tindakan mereka yang gelojoh, tamak haloba, rasuah dan hanya ingin membolot kekayaan untuk diri sendiri," kata Anwar.

Katanya sikap bersungguh-sungguh memerangi rasuah sahajalah yang boleh memenuhi amanat dan kerja keras Perdana Menteri.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata bahawa dalam keadaan ekonomi negara dipacu dengan rancak sekali, imej negara yang bersih di mata dunia perlu dipertahankan dengan mematuhi peraturan-peraturan yang jelas.

"Ini tidak boleh berhenti di peringkat pemimpin atasan sahaja tetapi harus dituruti oleh semua peringkat pemimpin termasuk di peringkat bahagian dan cawangan. Kalau rakyat mahu pemimpin besar sahaja dikenakan tindakan, pemimpin di peringkat bahagian dan cawangan pun, kalau tidak buat kerja, perlu ditukar," katanya.

Mengenai Sabah, Anwar mengingatkan pemimpin di negeri itu agar bekerja keras untuk menerajui pembangunan terutama di kawasan luar bandar tanpa mengira kaum dan agama.

"Jangan lagi ulangi politik perkauman dan sikap membenci Semenanjung kerana ini hanya mendatangkan kemunduran kepada Sabah," katanya.

Sebaliknya, Pemangku Perdana Menteri berkata, pelbagai kaum di Sabah harus diberi pembelaan sama rata sejajar dengan ikrar pertama yang dilafazkan sewaktu Umno masuk ke Sabah dahulu, iaitu membela nasib semua lapisan rakyat.

Beliau juga mengingatkan sesetengah pemimpin dalam kerajaan negeri sekarang agar mengubah sikap kerana "ada pemimpin yang hanya mahu bolot projek yang besar untuk diri sendiri sahaja."

"Sabah mempunyai potensi besar, secara geografinya lebih berpotensi berbanding Jepun tetapi hanya pemimpin dan rakyat sendiri yang menggagalkan kemajuan untuk rakyat Sabah.

"Orang KL (Kuala Lumpur) tidak curi balak Sabah tetapi pemimpin Sabah sendiri yang curi balak Sabah," kata beliau.

Anwar juga mengajak golongan Bumiputera agar mencontohi masyarakat Cina yang memberi tumpuan lebih kepada pendidikan anak-anak mereka dan meminta semua bahagian dan cawangan Umno Sabah agar menggubal program yang jelas untuk memajukan pendidikan di kawasan masing-masing.

Beliau juga berkata semua sekolah rendah dan menengah di kawasan Libaran akan diberi peruntukan khas tahun ini dengan syarat guru besar dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah berkenaan memberi laporan kepadanya berhubung perkembangan di sekolah masing-masing hujung tahun ini.

Beliau bagaimanapun, tidak menyebut jumlah peruntukan berkenaan.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam, Ketua Umno Bahagian Libaran Datuk Musa Aman, menteri-menteri kabinet negeri dan pemimpin komponen Barisan Nasional Sabah.

Sementara itu, pada persidangan berita selepas mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah, Anwar menjelaskan dengan lebih lanjut berhubung kenyataannya mengenai ketegasan kerajaan membanteras gejala rasuah.

Katanya kerajaan akan meneruskan usaha membanteras gejala rasuah dan tidak akan tunduk terhadap apa juga bentuk ugutan, termasuk ugutan untuk menyertai parti pembangkang.

Katanya sesetengah pemimpin popular boleh mengugut untuk menyertai pembangkang dan mungkin tindakan itu boleh menumbangkan kerajaan di sesebuah negeri tetapi ia tidak akan menyebabkan kerajaan berganjak daripada ketegasannya membanteras rasuah.

"Kempen untuk menentang rasuah bukan untuk kalangan pemimpin Melayu atau Umno sahaja tetapi kita memulakannya dengan Umno kerana ia parti terbesar. Kita anggap perkara ini serius kerana itu kita mula dengan Umno, parti yang terbesar," katanya.

Anwar berkata pada pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah, beliau diberi jaminan oleh pemimpin badan itu untuk bekerjasama dalam membanteras gejala berkenaan. -- BERNAMA

KG AKD